



KERTAS CADANGAN

**BENGKEL PRODUK KEWANGAN ISLAM DAN
PENTADBIRAN HARTA ISLAM
BAGI KURSUS ISLAMIC LAW OF BANKING AND TAKAFUL (LBA 3073)
DAN
ISLAMIC LAW OF PROPERTY (LBA 2033)**

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

1.0 PENGENALAN

Kertas cadangan ini menjurus kepada permohonan untuk pertimbangan bagi mendapatkan Penceramah Jemputan yang terdiri daripada ahli perbankan, penasihat shariah, pengamal undang-undang bagi dua kursus semester ini iaitu Islamic Law of Banking and Takaful dan Islamic Law of Property. Sesi ceramah dalam bentuk bengkel ini akan dapat mendedahkan lagi amalan undang-undang dan Shariah yang diimplementasikan oleh industri kewangan Islam dan prosedur serta undang-undang substantif pentadbiran harta Islam khususnya di Malaysia dan umumnya di dunia. Diharap dengan usaha ini akan dapat mencapai objektif dan memberikan sumbangan yang bermakna dari sudut akademik dan ke arah pemantapan graduan FSU.

2.0 MATLAMAT PROGRAM

Program ini akan membolehkan graduan didedahkan dengan informasi terkini dan praktikal dalam ruanglingkup dan pelaksanaan undang berkaitan kewangan Islam dan pentadbiran harta Islam di Malaysia daripada individu yang mahir dan terlibat secara langsung dengan industri ini.

3.0 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif khusus yang diharapkan dengan program ini adalah:

1. Memperlengkapkan atau memperkuuhkan lagi pengetahuan dan kemahiran yang diberikan semasa kuliah.
2. Mendedahkan pelajar dengan amalan dan pelaksanaan undang-undang dan Shariah berkaitan kewangan Islam dan pentadbiran harta Islam.
3. Mendedahkan para pelajar dengan dunia profesyen perbankan dan kewangan Islam serta pentadbiran harta Islam serta dapat memberikan pengetahuan mengenai peluang pekerjaan.
4. Sebagai medium menjana kenalan dan hubungan dengan pihak industri.

4.0 NAMA DAN BENTUK PROGRAM

Program ini akan diadakan dalam bentuk bengkel dan akan dijalankan selama separuh hari. Penceramah jemputan akan secara khusus berkongsi dan berinteraksi dengan pelajar. Pendekatan ini dilihat lebih berkesan berbanding dengan program berbentuk lain seperti seminar dan syarahan umum.

Dicadangkan program ini dinamakan sebagai “**BENGKEL KEWANGAN ISLAM DAN PENTADBIRAN HARTA ISLAM**”.

Cadangan aturcara program dilampirkan dalam lampiran 1.

5.0 PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN

Semua pelajar kursus Islamic law of Banking and Takaful dan Islamic Law of Property adalah diwajibkan menghadiri program ini. Pelajar lain juga terutama pelajar-pelajar yang pernah mengikuti kelas Dr. Zulkifli Hasan 2011-2012 telah menyatakan komitmen untuk menyertai program ini. Pensyarah FSU dan pelajar-pelajar kelas lain FSU juga adalah dijemput untuk memeriahkan majlis dan menghadiri sesi bengkel ini. Anggaran keseluruhan peserta adalah seramai 80 orang.

6.0 SENARAI CADANGAN PENCERAMAH

Senarai cadangan penceramah jemputan ini adalah tidak muktamad dan boleh berubah mengikut keadaan dan maklumbalas yang akan diberikan nanti. Cadangan nama penceramah Jemputan adalah seperti berikut:-

Bagi Kewangan Islam:

Pakar Kewangan Islam Bank Negara Malaysia: Dr. Muhammad Syahmi Abdul Karim

Beliau merupakan salah seorang pakar kewangan Islam di BNM. Telah berkhidmat lebih 10 tahun di BNM. Mempunyai pengalaman luas di industri kewangan Islam dan terlibat secara khusus dalam membangunkan audit Shari'ah di BNM. Memperolehi Ph.D dalam bidang kewangan Islam.

Pengamal Perbankan: Zulkipli Md Yunos

Naib Presiden, Pembangunan Produk EXIM Bank Malaysia. Berpengalaman lebih 35 tahun dalam industri perbankan dan berkemahiran serta berkepakaran dalam membangunkan produk kewangan Islam dan Konvensional. Beliau pernah berkhidmat di beberapa buah bank Islam dan konvensional dan terlibat secara khusus dalam pembangunan produk dan perkhidmatan perbankan.

Bagi Pentadbiran Harta Islam:

Pakar Pentadbiran dan Pewarisan Harta: Rafie Omar

Beliau merupakan peguambela dan peguamcara serta peguam syarie. Salah seorang pakar dalam pentadbiran harta Islam di Malaysia. Kini menjawat jawatan sebagai CEO Amanah Raya Legacy Services. Sangat bergiat aktif dalam memberi latihan berkaitan pentadbiran harta Islam. Beliau adalah pakar rujuk berkenaan dengan selok belok perundangan dalam aspek pentadbiran dan pewarisan harta Islam.

7.0 KOS YANG DIPERLUKAN

Berikut ialah kos yang diperlukan:-

No	Perkara	Perincian	Jumlah (RM)
1	Kos bayaran saguhati Pensyarah Jemputan Penceramah Pertama: MBA RM200 x 1.5 jam Penceramah Kedua: PHD RM300 x 1.5 jam Penceramah Ketiga: MBA RM200x 1.5 jam	RM 200 x 3 jam + RM300 x 1.5 jam	1050.00
2	Kos Jamuan (Penceramah, Dekan, Jemputan FSU, Pensyarah Kursus, Pengarah dan Timbalan Pengarah Program) Sarapan: RM4 x 8 Makan Tengahari RM6 x 8	RM32+48	80.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM 1130.00

8.0 TEMPAT

Dicadangkan tempat Bengkel Mengenai Kewangan Islam ini diadakan di Dewan Kuliah Fakulti, Aras 1 Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM. Ini bagi membolehkan audien yang lebih ramai dan dapat bersama-sama menimba pengetahuan mengenai pelaksanaan kewangan Islam dan Pentadbiran Harta Islam.

9.0 STRUKTUR ORGANISASI

Penganjuran Bengkel Kewangan Islam dan Pentadbiran Harta Islam ini akan dikendalikan oleh Pensyarah Kursus ini iaitu Dr. Zulkifli Hasan. Semua pelajar dalam kursus ini akan menjadi ahli jawatankuasa dalam menjayakan program ini dan markah akan diberikan berdasarkan komitmen dan partisipasi mereka. Pelajar juga akan menguruskan perjalanan program termasuk persediaan teknikal dan logistik, pengurus majlis, pemudahcara, promosi dan hebahan dan sebagainya.

10.0 PENUTUP

Semoga program ini akan dapat memberi manfaat kepada pelajar FSU bagi memperlengkapkan diri dengan pengetahuan secara langsung daripada pendedahan yang akan diberikan oleh pensyarah jemputan yang betul-betul mahir dan berpengetahuan tinggi dalam bidang kewangan Islam dan Pentadbiran Harta Islam. Diharapkan usaha murni ini, segala matlamat dan objektif program yang termaktub dapat dicapai.

Disediakan oleh

**Dr. Zulkifli Hasan
Pensyarah Kanan
FSU**

PENGESAHAN DAN PERAKUAN

Disemak dan diperakukan oleh:

(Tandatangan dan Cop Ketua Program)

Tarikh:_____

Disemak dan diperakukan oleh:

(Tandatangan dan Cop Timbalan Dekan)

Tarikh:_____

LAMPIRAN 1
CADANGAN ATURCARA

TIME	ITINERARY
0815 – 0830	<ul style="list-style-type: none"> - Registration -
0830 – 0845	<ul style="list-style-type: none"> - Recitation of Doa - Multimedia Presentation - Welcoming speech by Dr. Zulkifli Hasan - Opening Remarks by Dr. Yasmin Hanani, Dean, FSU, USIM
0845 – 10.15	<ul style="list-style-type: none"> -: Session I : Islamic banking Products by Mr. Zulkipli Md. Yunos, Vice President, EXIM Bank
1015 – 1030	<ul style="list-style-type: none"> - Light Refreshments
1030-12.00	<ul style="list-style-type: none"> - Session II: Regulation on Islamic Banking by Dr. Muhammad Syahmi Mohd Karim, Senior Officer, BNM
1200 – 1330	<ul style="list-style-type: none"> -Session II: Islamic law of Inheritance by Mr. Rafie Omar, CEO, Amanah Raya Legacy Services
1300 – 1400	<ul style="list-style-type: none"> - Lunch and congregational Zuhur prayer